



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,
JALAN SIMPANG TIGA,
93592 KUCHING,
SARAWAK.

Telefon : 082-421333/421755/425154 (Pejabat AM)

Faks : 082-424489

E-mel : pmswk@treasury.gov.my

Laman Web : <http://pmsarawak.treasury.gov.my>

Rujukan Kami : PKP(S)124/13 JLD.17(31)

Tarikh : 26 Ogos 2015
11 Zulkaedah 1436H

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Sarawak.**

**Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Sarawak.**

Tuan,

**SURAT PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
BILANGAN 2 TAHUN 2015**

**Kontrak Pusat Secara Sistem Panel Bagi Membekal Dan menghantar Beras
Kepada Semua Jabatan Pesekutuan (Termasuk Sekolah Kategori 'A' & 'B')
Dan Badan berkanun Persekutuan Seluruh Negeri Sarawak Bagi Tahun 2015
Hingga 2018**

1. PERIHAL

- 1.1 Dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sarawak telah bersetuju untuk mengadakan Kontrak Pusat secara Sistem Panel bagi Membekal dan menghantar Beras Kepada Semua Jabatan Persekutuan (Termasuk Sekolah Kategori 'A' & 'B') dan Badan Berkanun Persekutuan Seluruh Negeri Sarawak.

2. BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR DAN NOMBOR KONTRAK

- 2.1 Butir-butir kontraktor adalah seperti berikut :

Bil.	Nama/Alamat Kontraktor/No. Telefon/Faks & Nombor Kontrak	Alamat/No. Akaun Bank
1.	<p>Era Bumi Jaya Sdn. Bhd.(591311-K) Lot 2883, RPR Fasa 2, Tingkat Satu Kampung Tunku, Jalan Astana, Petra Jaya, 93050 KUCHING.</p> <p>Tel : 082-444820 Fax : 082-444821</p> <p><u>No. Kontrak</u> PMS/124/KONT/2015-04</p>	<p><u>Bank</u> CIMB Bank Jalan Satok 93400 KUCHING.</p> <p><u>No. Akaun</u> 8005125988</p>

3. TEMPOH KONTRAK

3.1 Tempoh kontrak ialah selama **tiga (3) tahun berkuatkuasa mulai 1 September 2015 hingga 31 Ogos 2018.**

4. SPESIFIKASI

4.1 Spesifikasi untuk produk bagi kontrak ini adalah seperti di **JADUAL I**. Pejabat ini akan sentiasa mengawasi mutu bekalan supaya menepati penentuan-penentuan yang telah ditetapkan dengan menetapkan syarikat wajib memiliki mesin peralatan bagi pembersihan dan pembungkusan beras seperti di **Rajah I**.

5. KAEDAH PEROLEHAN

5.1 Perolehan bagi item beras hendaklah diuruskan sendiri oleh setiap agensi di kalangan lima (5) panel pembekal. Tatacara bagi perolehan ditetapkan seperti berikut;-

Bil.	Nilai Perolehan	Kaedah Perolehan
1.	Sehingga RM 50,000.00	Pembelian terus dengan panel pembekal dan keutamaan harga hendaklah dibuat dengan syarikat panel tempatan serta diluluskan oleh Pegawai Pengawal atau Pegawai yang diturunk kuasa oleh Pegawai Pengawal.

2.	RM 50,000.00 sehingga RM 500,000.00	Sebutharga di kalangan panel pembekal dan dimuktamadkan oleh Lembaga Perolehan Sebutharga Jabatan/ Agensi.
3.	Melebihi RM 500,000.00	Tender di kalangan panel pembekal dan dimuktamadkan oleh Lembaga Perolehan Agensi

6. PEMBAYARAN BIL

- 6.1 Pembayaran terhadap bil-bil yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah dibuat mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Akauntan Negara Malaysia.
- 6.2 Pembayaran hendaklah dibuat terus kepada kontraktor.
- 6.3 Bagi pesanan yang telah disempurnakan oleh kontraktor dengan memuaskan, bil mengenainya hendaklah dijelaskan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh bil itu diterima.
- 6.4 Walau apapun peraturan atau tatacara penerimaan barang-barang yang diamalkan oleh sesuatu Jabatan, pengesahan penerimaan barang-barang mestilah dibuat dengan segera pada hari bekalan disempurnakan untuk membolehkan kontraktor mengemukakan bil pembayaran dengan seberapa segera. Jabatan tidak perlu menunggu laporan ujian Jabatan Penguji untuk membuat bayaran.

7. PENGGUNAAN KONTRAK

- 7.1 Semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun dan Agensi-Agensi yang berkenaan di bawah kelolaan masing-masing hendaklah menggunakan kontrak ini sahaja dan tidak dibenarkan membeli dari punca lain tanpa kebenaran Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak, PMS.
- 7.2 Penentuan dalam kontrak ini adalah penentuan gunasama pelbagai Jabatan. Sekiranya penentuan itu tidak sesuai dengan keperluan Jabatan pengguna, sila kemukakan penentuan yang diperlukan, dengan menyatakan perbezaan dari penentuan kontrak ini serta justifikasi mengapa perbezaan itu perlu.
- 7.3 PMS seterusnya akan menimbangakan pengecualian daripada menggunakan Kontrak Pusat dan perolehan melalui tatacara lain.

8. HAL-HAL LAIN

8.1 Jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai kontrak ini, Jabatan Pengguna dinasihatkan menghubungi PMS seperti di alamat di atas atau melalui telefon no. 082-421333 dan emel :-

- (i) Dayang Arfahiza Binti Abang Junaidi - Sambungan 500
Emel : arfahiza.junaidi@treasury.gov.my
- (ii) Puan Krismawati Binti Esen - Sambungan 501
Emel : krismawati.esen@treasury.gov.my
- (iii) Puan Raphella Etheria Chamong - Sambungan 502
Emel : raphella.chamong@treasury.gov.my
- (iv) Unit Perolehan - Sambungan 502

Sekian, terima kasih.

“Sentiasa Mesra, Teliti dan Cepat”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATU JABIDAH BINTI MONSERI)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak,
Perbendaharaan Malaysia Sarawak.
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.:

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Sarawak, Kuching.
Jabatan Akauntan Negara, Sri Aman.
Jabatan Akauntan Negara, Sarikei.
Jabatan Akauntan Negara, Sibul.
Jabatan Akauntan Negara, Kapit.
Jabatan Akauntan Negara, Bintulu.
Jabatan Akauntan Negara, Miri.
Jabatan Akauntan Negara, Limbang.

JADUAL I**Gred Dan Spesifikasi Beras Mengikut Jenis**

GRED	SUMBER	JENIS	SPESIFIKASI
Super (Import)	Thailand	TWR 6%	(i) Minima 70% beras panjang berukuran 6.2 mm keatas. (ii) Minima 85% kepala beras. (iii) Maksima kandungan 5% hancur. (iv) Maksima 0.5% biji rosak (v) Dikilang paling baik.
	Vietnam	VWR 5%	(i) Minima 70% beras panjang berukuran 6.2 mm keatas. (ii) Minima 85% kepala beras. (iii) Maksima kandungan 5% hancur. (iv) Maksima 0.5% biji rosak (v) Dikilang paling baik.
Wangi (Import)	Thailand	TFR 4.5% (AA)	(i) Minima 70% beras panjang Berukuran 6.2 mm keatas. (ii) Minima 85% kepala beras. (iii) Maksima kandungan 5% hancur. (iv) Maksima 0.5% biji rosak. (v) Dikilang paling baik. (vi) 70% Kao Mom Mall (Wangi). (vii) 30% TWR 5%

RAJAH I

Carta Alir Proses Pembersihan, Pengasingan dan Pembungkusan Beras

